

Politik sederhana jadikan Anwar wajah politik paling diterima

• Sokongan terhadap reformasi ini tidak menunjukkan jurang besar antara Melayu dengan bukan Melayu, sekali gus menandakan tuntutan reformasi institusi bukan lagi agenda sempit satu kelompok, tetapi sudah menjadi aspirasi nasional

• Kedudukan Malaysia di tangga ke-12 dalam Indeks Keamanan Global 2026 adalah petunjuk jelas negara berada dalam keadaan stabil, aman dan sesuai untuk pembangunan ekonomi



Pengarah Institut Kajian Politik Malaysia (MAPAN) di Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Madya Dr Mashitah Mohd Udin
bhrencana@bh.com.my

Dapatan terbaharu kaji selidik Merdeka Center bagi tempoh 12 Mac hingga 9 April 2026 menunjukkan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Datuk Seri Anwar Ibrahim, muncul sebagai tokoh politik paling tinggi mendapat penarafan positif, iaitu 52 peratus.

Apabila dibandingkan dengan tokoh lain yang masih relevan dalam perbandingan kepemimpinan nasional semasa, iaitu mempunyai kedudukan langsung dalam struktur politik semasa, sama ada sebagai pemimpin gabungan atau tokoh utama blok/parti politik, jurang sokongan terhadap Anwar kelihatan jelas.

Pemimpin de facto Parti Bersama Malaysia (BERSAMA) dan bekas Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli mencatat 32 peratus diikuti Pengerusi Perikatan Nasional (PN) merangkap Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar (28 peratus) serta Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (24 peratus).

Dapatan ini menunjukkan Anwar masih mempunyai kelebihan sebagai pemimpin nasional paling meluas daya terimanya. Dalam negara majmuk seperti Malaysia, kekuatan seseorang pemimpin tidak boleh diukur hanya melalui penerimaan satu kelompok etnik atau satu aliran ideologi sahaja. Sebaliknya, ukuran lebih penting adalah sama ada

dalam kalangan responden Melayu dan 29 peratus dalam kalangan bukan Melayu. Ahmad Samsuri pula mencatat angka agak baik dalam kalangan responden Melayu, iaitu 48 peratus, tetapi hanya 6 peratus dalam kalangan bukan Melayu. Ahmad Zahid pula mencatat 31 peratus dalam kalangan Melayu dan hanya 13 peratus dalam kalangan bukan Melayu.

Dengan kata lain, PN, BN dan BERSAMA masih belum mempunyai tokoh benar-benar setanding dengan Anwar dari segi gabungan dua ciri penting, iaitu penerimaan Melayu signifikan dan penerimaan bukan Melayu yang tinggi.

Kelebihan Anwar ialah beliau masih dilihat mempunyai bahasa politik yang boleh bercakap kepada pelbagai kelompok. Kepada Melayu, beliau membawa naratif Islam, keadilan sosial dan pembelaan rakyat. Kepada bukan Melayu, beliau membawa jaminan kestabilan, keterangkuman dan reformasi institusi. Kepada pelabur dan komuniti antarabangsa, beliau membawa mesej kestabilan dasar, integriti pentadbiran dan keterbukaan ekonomi.

Faktor kedua yang membantu prestasi ini ialah sokongan awam kuat terhadap agenda reformasi politik. Merdeka Center mendapati 73 peratus responden menyokong cadangan mengehadkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada maksimum dua penggal atau 10 tahun. Lebih tinggi lagi, 84 peratus responden menyokong pemisahan jawatan peguam negara dan pendakwa raya.

Sokongan terhadap reformasi ini tidak menunjukkan jurang besar antara Melayu dengan bukan Melayu, sekali gus menandakan tuntutan

menjelaskan mengapa tahap kepuasan terhadap Kerajaan Persekutuan berada pada paras 50 peratus. Dalam keadaan ekonomi global tidak menentu dan kos sara hidup masih menekan, data ini menunjukkan kerajaan masih mempunyai asas sokongan stabil, khususnya apabila dilihat bersama-sama dapatan bahawa 64 peratus responden berumur 21 hingga 30 tahun berpuas hati dengan prestasinya.

Sokongan tinggi dalam kalangan pengundi muda ini memberi isyarat bahawa naratif reformasi, kestabilan dan pembaharuan pentadbiran mempunyai ruang luas untuk berkembang.

Perkukuh persepsi positif

Selain itu, pencapaian Malaysia dalam beberapa indeks antarabangsa mutakhir ini turut memberikan latar yang membantu memperkukuh persepsi positif terhadap kerajaan.

Malaysia melonjak ke kedudukan ke-15 dalam Ranking Daya Saing Dunia IMD 2026, berbanding kedudukan ke-23 pada tahun sebelumnya. Lebih penting, Malaysia turut mencatat kedudukan baik dalam komponen kecekapan kerajaan. Ini memberi isyarat aspek pentadbiran negara, keberkesanan dasar dan kapasiti kerajaan semakin mendapat pengiktirafan dari luar.

Peningkatan ini mempunyai kaitan rapat dengan usaha reformasi perkhidmatan awam dijalankan Kerajaan MADANI, termasuk penekanan terhadap kecekapan penyampaian, penyelarasan dasar, pendigitalan, disiplin fiskal dan pembaikan tatakelola.

Pada masa sama, kedudukan Malaysia di tangga ke-12 dalam Indeks Keamanan Global 2026 adalah petunjuk jelas negara berada dalam keadaan stabil

Anwar ada asas sokongan Melayu

Di sinilah kelebihan Anwar menjadi lebih jelas. Dalam kalangan responden Melayu, beliau masih mencatat sokongan signifikan, iaitu 45 peratus. Angka ini meletakkan beliau sebagai tokoh yang mempunyai asas sokongan Melayu yang bermakna manakala dalam kalangan responden bukan Melayu, Anwar mencatat 59 peratus sokongan, jauh lebih tinggi berbanding tokoh lain yang disebut dalam perbandingan utama ini.

Sebaliknya, pemimpin lain kelihatan berdepan masalah keseimbangan penerimaan. Rafizi misalnya, hanya mencatat 36 peratus

satu kelompok, tetapi sudah menjadi aspirasi nasional.

Dalam politik moden, rakyat juga menilai sama ada kerajaan bersedia membetulkan struktur kuasa, mengurangkan ruang penyalahgunaan kuasa dan memperkuatkan semak imbang institusi. Apabila reformasi institusi mendapat sokongan awam begitu tinggi, ia menunjukkan kerajaan mempunyai modal legitimasi kuat untuk meneruskan pembaharuan.

Hal ini turut membantu

keamanan bukan sekadar isu keselamatan, tetapi asas kepada keyakinan pelabur, kesejahteraan sosial dan kestabilan politik.

Sentimen nasional ini hampir pasti memberikan kelebihan naratif kepada PH, khususnya menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor dan PRN Negeri Sembilan. Apabila Perdana Menteri mencatat sokongan tertinggi berbanding tokoh utama lain dan apabila Kerajaan Persekutuan masih mengekalkan tahap kepuasan positif, PH mempunyai modal politik untuk berhujah bahawa kestabilan, kesederhanaan dan reformasi masih diterima rakyat.

